

13/07/2002

Jangan perbesar isu TPM: Rafidah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz tidak mahu isu pelantikan Timbalan Perdana Menteri selepas tempoh peralihan kepemimpinan negara, diperbesar-besarkan.

"Mengenai isu Timbalan Perdana Menteri itu, saya dah kata tak usahlah sebutkan perkara ini.

"Kita terima hakikat yang disebut oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kita berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana beliau memberi jangka masa selepas Oktober 2003 untuk Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih.

"Siapa (yang) Datuk Seri Abdullah nak pilih sebagai nombor dua, itu terpulang kepada beliau.

"Bukan hak kita dan bukan hak sesiapa nak bercakap. Saya rasa, lebih baik kita tinggalkan saja perkara itu dan buat apa kita nak sibuk-sibuk kerana kini di Pendang dan Anak Bukit sedang dalam pertandingan (pilihan raya kecil)," katanya di sini, hari ini.

Rafidah berkata, pada masa ini semua pemimpin dan ahli Umno perlu memastikan negara stabil dan tenteram dengan memberi tumpuan terhadap kerja parti bagi menjawab segala tuduhan parti pembangkang.

Menjawab soalan mengenai kenyataan beliau pada Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini bahawa Wanita Umno adalah tulang belakang parti, Rafidah berkata:

"Sebenarnya, saya nak menyedarkan ahli Wanita bukan nak menunjukkan kita ini mustahak.

"Saya nak sedarkan Wanita, supaya jangan buat pasal, jangan kucar-kacir dan jangan cuai dengan tanggungjawab kerana kita tulang belakang parti. Kalau Wanita Umno berpecah belah, parti aniaya."